

**PERSEPSI GURU TERHADAP PEMBELAJARAN
DAN PENGAJARAN PENDIDIKAN MUZIK DI SEKOLAH**

**AMELDA NATHRAH BINTI FARID KAMIL
M20081000021**

**LAPORAN PROJEKINI DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SEBAHAGIAN SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (MUZIK)**

**FAKULTI MUZIK DAN SENI PERSEMBAHAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2011**

PENGAKUAN

Saya mengaku karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

24 April 2011

AMELDA NATHRAH BINTI FARID KAMIL

M20081000021

DECLARATION

I hereby testify that the works in this dissertation is my own except for quotations and summaries which have been duly acknowledged.

24 April 2011

AMELDA NATHRAH BINTI FARID KAMIL

M20081000021

PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat illahi dengan limpah kurnianya saya berjaya menyiapkan laporan projek ini. Saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada penyelia saya iaitu En. Mohd Azam bin Sulong(Azam Dungun) yang telah banyak membantu serta membimbing saya dan kesungguhan memberi dorongan, nasihat serta teguran sehingga dapat menyempurnakan penulisan ini serta tidak lupa kepada pensyarah-pensyarah yang lain.

Penghargaan dan ucapan terima kasih kepada pihak sekolah Smk Dato Wan Ahmad Rasdi dan Smk Simpang yang telah menghulurkan bantuan serta kerjasama terutama Pn. Marzlina bt Mahmood, Pn. Rozana bt Soom, Pn. Sanisah bt Sarmun dan Pn. Norzie bt Mohamed Ali.

Terima kasih kepada kedua ibu bapa saya iaitu En. Farid Kamil bin Dato Ibrahim dan Pn.Nurul Fadhilah bt Kassim yang banyak memberi galakan serta sokongan kepada saya. Tidak lupa teman-teman seperjuangan yang lain yang banyak member dorongan serta pandangan.Tanpa kalian saya mungkin tidak dapat menyiapkan projek ini. Terima kasih kepada semua pihak yang secara langsung dan tidak langsung dalam membantu saya selama ini.

ABSTRAK

Kajian ini adalah bertujuan untuk mengkaji sejauh mana pandangan serta tanggapan guru terhadap pengajaran dan pembelajaran pendidikan muzik di sekolah. Kajian ini juga merupakan sebuah kajian yang mencari keberkesanan dan juga manfaat daripada pembelajaran dan pengajaran pendidikan muzik di sekolah. Kaedah temu bual dan analisis dokumen telah digunakan untuk mendapat dan mengesahkan maklumat daripada respondan. Pendekatan dalam kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk kajian kualitatif di mana dapatan kajian di perolehi melalui kaedah temu bual yang dijalankan kepada 4 orang respondan yang terdiri daripada guru yang mengajar di dalam 2 buah sekolah yang berlainan. Hasil temubual telah ditranskripkan dan di analisis secara kualitatif mengikut persoalan kajian. Dapatan kajian mendapati semua respondan menganggap matapelajaran muzik adalah penting dan diperlukan di sekolah dan menyatakan melalui pembelajaran dan pengajaran pendidikan muzik dapat memberi sesuatu kesan dan impak kepada pelajar di sekolah.

ABSTRACT

This study aims to examine the extent to which teachers' views and perceptions of teaching and learning of music education in schools. This study is a study of the search effectiveness and benefits of learning and teaching music education in schools. Interviews methods and document analysis have been used to obtain and verify information from the study respondent. Method used in this study is qualitative in nature where the study is obtained through an interview conducted on 4 of the respondent's teachers in two different schools. The result was transcribed interviews and qualitative analysis by questions research. The results study finds that all respondents consider the subject of music was important and needed in schools and the state through the learning and teaching music education to give an impression and impact on students in school.

ISI KANDUNGAN**Muka surat**

| | |
|-------------------------|-------------------|
| PENGAKUAN | ii |
| DECLARATION | iii |
| PENGHARGAAN | iv |
| ABSTRAK | v |
| ABSTRACT | vi |
| KANDUNGAN | vii - viii |
| BAB 1 PENGENALAN | 1-2 |
| 1.1 Pernyataan Masalah | 3 |
| 1.2 Tujuan kajian | 3 |
| 1.3 Persoalan kajian | 4 |
| 1.4 Kepentingan Kajian | 4 |
| 1.5 Batasan Kajian | 4 |

| | | |
|--------------|--|-----------|
| BAB 2 | TINJAUAN LITERATUR | 5 |
| 2.1 | Falsafah Pendidikan Negara (FPN) | 5-6 |
| 2.2 | Pendidikan Muzik | 7-10 |
| 2.3 | Perkembangan Pendidikan Muzik | 11-14 |
| 2.4 | Pembelajaran dan Pengajaran | 15-16 |
| BAB | METODOLOGI KAJIAN | 17 |
| 3.1 | Kaedah kajian | 17-18 |
| 3.2 | Kaedah Temu Bual | 18 |
| 3.3 | Instrumen Kajian | 19 |
| 3.4 | Carta Aliran / Proseder Kerja | 19 |
| BAB 4 | ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN | 20 |
| 4.1 | Pengenalan | 20 |
| 4.2 | Tanggapan guru terhadap pembelajaran muzik di sekolah | 21-26 |
| 4.3 | Pembelajaran dan pengajaran muzik ini dapat memberi kesan yang positif terhadap pelajar | 26-31 |

| | | |
|-----------------|----------------|-----------|
| BAB 5 | RUMUSAN | 32 |
| 5.1 | Rumusan | 32-33 |
| 5.2 | Cadangan | 34-37 |
| RUJUKAN | | 38-39 |
| LAMPIRAN | | |

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Semua orang tahu apa itu muzik tetapi tidak semua yang mengetahui apakah definisi atau maksud muzik yang sebenarnya. Secara amnya, muzik merupakan satu cabang seni yang sangat luas di mana ia menggabungkan bunyi-bunyian alat muzik atau vokal termasuklah bunyi-bunyian alam semula jadi dari persekitaran kita ataupun bunyi-bunyian rekaan. Muzik merupakan satu bidang yang begitu kaya dengan beraneka jenis pengetahuan, kemahiran dan cara-cara berfikir yang amat berbeza dari zaman ke zaman dan dari tempat ke tempat, (Johaimi Abdullah, 1993).

Pendidikan merangkumi proses pengajaran dan pembelajaran kepakaran khusus, dan juga sesuatu yang tidak dapat dilihat tetapi lebih mendalam: pemberian pengetahuan, pertimbangan dan kebijaksanaan. Salah satu asas matlamat pendidikan adalah untuk mengajar kebudayaan melangkaui generasi. Di dalam bidang muzik, terdapat pelbagai cabang dan aspek yang boleh di dapat. Di antara cabang muzik ialah seperti pendidikan muzik. Pendidikan muzik adalah salah satu cabang muzik yang

mengkhususkan kepada pendidikan muzik secara teori dan praktikal. Biasanya pendidikan muzik ini, di ajar di sekolah-sekolah, sekolah-sekolah swasta dan di peringkat lebih tinggi seperti di kolej-kolej ataupun di universiti. Pendidikan muzik merupakan salah satu mata pelajaran yang di ajar di sekolah. Malah terdapat juga sekolah-sekolah muzik yang wujud di negara kita ini yang menawarkan pembelajaran muzik khususnya dalam permainan alat muzik serta pendidikan muzik.

Matlamat pelajaran pendidikan muzik adalah bertujuan melahirkan murid yang mempunyai pengetahuan dan kefahaman yang asas tentang muzik, mempunyai kemahiran minimum dalam penghasilan muzik, berpotensi dalam aspek kreativiti dan inovasi, dapat menghargai dan menikmati estetika muzik dan dapat mengamalkan nilai murni. Selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) bagi mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, matapelajaran pendidikan muzik diwujudkan bagi melahirkan pelajar yang berpengetahuan dan berkemahiran seperti yang terkandung di dalam objektif mata pelajaran pendidikan muzik.

Pendidikan Muzik bertujuan untuk mengembangkan minat dan bakat murid dalam seni muzik serta membentuk sahsiah yang meliputi perasaan, kreativiti, nilai estetika, budaya, etika tertentu, kecerdasan mental, psikomotor dan sosialisasi. Kurikulum Pendidikan Muzik bercorak umum dan member tumpuan kepada kegiatan amali yang aktif dan menyeronokan.

Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

1.1 Pernyataan Masalah

Pendidikan muzik yang di ajar di sekolah sering di anggap sebagai salah satu matapelajaran yang tidak wajib dan tidak dititik beratkan. Malah ada di antaranya menganggap muzik sebagai satu subjek yang tidak penting di dalam kurikulum di sekolah. Matapelajaran pendidikan muzik sering di anggap tidak penting dan pelbagai tanggapan dan pandangan mengenai pembelajaran dan pengajaran di sekolah. Namun, Melalui muzik juga dapat memberi kesan-kesan yang tertentu kepada pelajar.

Namun begitu pendidikan muzik hendaklah dianggap sebagai salah satu subjek yang dapat mendidik serta membina insan yang bersahsiah dan berintelektual dari segi sahsiah, rohani dan jasmani malah, pembelajaran muzik juga dapat mengimbangi sahsiah setiap pelajar.

1.2 Tujuan Kajian

Kajian ini dilakukan untuk melihat perspektif pelajar dan guru terhadap pembelajaran dan pengajaran matapelajaran pendidikan muzik yang di ajar di sekolah. Ia juga memberi penekanan bagaimanakah muzik di aplikasikan di dalam pembelajaran dalam kelas di samping mengkaji keberkesanan matapelajaran pendidikan muzik yang di ajar di sekolah dan terhadap pelajar.

1.3 Persoalan Kajian

Secara umumnya penyelidikan ini dilakukan adalah bertujuan untuk mencari jawapan kepada persoalan-persoalan perspektif pelajar dan guru terhadap matapelajaran pendidikan muzik di sekolah. Pengkaji ingin melihat beberapa persoalan iaitu :-

- (i) Apakah tanggapan guru terhadap pendidikan muzik di sekolah?
- (iii) Bagaimanakah pembelajaran dan pengajaran muzik ini dapat memberi sesuatu kesan terhadap pelajar?

1.4 Kepentingan Kajian

Dengan adanya kajian tinjauan ini, kita dapat menghasilkan satu maklumat terperinci mengenai pandangan serta persepsi pelajar dan guru-guru terhadap pembelajaran dan pengajaran pendidikan muzik yang dijalankan disekolah-sekolah. Segala maklumat dan dapatan kajian ini dapat memberi penambahbaikan dalam melaksana serta merangka dasar yang lebih baik dalam memurnikan lagi proses pembelajaran dan pengajaran pendidikan muzik. Di harap juga ia nya dapat memberi penambahbaikan kepada semua pihak khususnya bagi pihak atasan untuk melaksanakan pelan tindakan yang lebih baik dalam matapelajaran muzik di sekolah. Selain itu juga, ianya dapat membuka mata setiap individu terhadap kepentingan adanya matapelajaran pendidikan muzik di setiap sekolah agar ianya tidak memandang ringan terhadap matapelajaran ini.

1.4 Batasan Kajian

Kajian ini hanya terbatas kepada beberapa orang guru muzik dan juga beberapa orang pelajar yang terpilih sahaja. Fokus kajian ini adalah berfokus kepada pandangan serta persepsi guru dan pelajar terhadap pembelajaran dan pengajaran muzik di sekolah.